

02 OCT 1996

Bakun-Kontrak

KONTRAK BAKUN DITANDATANGANI SELEPAS DUA KALI DITANGGUH

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Kontrak kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC) bagi projek hidroelektrik Bakun berharga RM13,600 juta antara Bakun Hydro-Electric Corporation Bhd (BHC) dan ABB-CBPO Consortium, yang telah dua kali ditangguhkan, akhirnya ditandatangani di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan upacara yang berlangsung di Carcosa Seri Negara itu.

ABB-CBPO merupakan konsortium syarikat Switzerland ABB Asea Brown Boveri Ltd dan Companhia Brasileira Projectos e Obras (CBPO) dari Brazil, yang akan mengendalikan kerja reka-bentuk dan pembinaan projek itu sebagai kontraktor siap-guna.

Kontrak berkenaan sepatutnya ditandatangani pada 24 Julai lepas.

Bagaimanapun ia ditangguhkan ekoran kedudukan yang tidak menentu selepas keputusan Mahkamah Tinggi mengenai penilaian kesan alam sekitar terhadap empangan berkenaan, lalu dijadualkan semula ke 30 Sept tetapi sekali lagi ia ditangguhkan.

Ekran Bhd, yang merupakan pemegang tunggal saham terbesar dalam BHC dengan 32 peratus ekuiti, akan menerima sejumlah kira-kira RM1,000 juta bagi usahanya yang lepas dan peranannya yang akan datang sebagai pengurus projek meliputi tempoh pembinaan selama enam tahun. -- BERNAMA

MR CTL NMO